

## UMS jalin kerjasama strategik dengan Universitas Muhammadiyah Makassar

UB 26.05.2023 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Kampus Sandakan telah mengadakan jalinan kerjasama strategik bersama Fakulti Pertanian, Universitas Muhammadiyah Makassar (Unismuh), Sulawesi, Indonesia.

Kerjasama antara kedua-dua universiti itu meliputi pelbagai bidang termasuklah penyelidikan, persidangan, penerbitan dan mobiliti.

Kerjasama tersebut dimeterai dalam satu acara menandatangani Surat Niat (LoI) di antara kedua-dua pihak di Unismuh bersempena dengan program lawatan rombongan UMS ke universiti-universiti di Indonesia, baru-baru ini.

Menurut Dekan FPL, Prof. Madya Dr. Azwan Awang, kerjasama tersebut adalah sebahagian daripada agenda FPL untuk menjalin hubungan bersama rakan strategik di sekitar rantau berhampiran dengan Sabah.

"Ini juga selari dengan visi FPL iaitu menjadi sebuah pusat pengajian ilmu pertanian terkemuka di rantau ini yang menekankan kepada prinsip kelestarian, kepekaan, dan teknologi tinggi," katanya.

Azwan turut memaklumkan, seramai 11 pelajar terlibat dalam Program Mobiliti UMS-Unismuh yang diiringi oleh dua orang pensyarah FPL iaitu, Prof. Madya Dr. Nurul Huda dan Dr. Siti Suliza Salamah.

"Selain acara menandatangani LoI dan mobiliti pelajar, kedua-dua fakulti turut



**KERJASAMA:** Dr. Ir. Hj. Andi Khaeriyah (empat kiri) dan Prof. Madya Dr. Azwan Awang (dua kanan) membincangkan bidang kerjasama yang dipersetujui.



**STRATEGIK:** Antara peserta program mobiliti dari empat universiti dari Indonesia, Malaysia, dan Thailand.

bersama menjayakan seminar bertajuk 'Enhancing Sustainable Agriculture for Food Security Challenges'.

"Program ini juga telah melibatkan aktiviti khidmat masyarakat kepada komuniti sebuah kampung di Makassar berkaitan penyediaan kompos dan pengurusan perosak

tanaman cendawan tiram," tambah beliau.

Program lawatan selama tiga hari itu turut disertai oleh Timbalan Dekan Pengurusan Ladang Hubungan Industri FPL, Prof. Madya Dr. Jupikely James Silip; Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar FPL, Dr.

Mohd. Rakib Mohd. Rashid; dan Pensyarah Kanan FPL, Dr. Ilmas Abdurafi selaku penyelaras program.

Rombongan FPL UMS turut mengadakan lawatan kerja ke Fakulti Pertanian Universitas Borneo Tarakan (UBT) di Tarakan, Kalimantan, Indonesia.